

Tandakan (✓) bagi kata majmuk yang betul berdasarkan ayat di bawah.

1. Murid-murid kelas itu cemerlang dalam semua _____ yang diajar di sekolah.
mata wang () hal ehwal () mata pelajaran ()
2. Kedua-dua pihak itu menyelesaikan _____ yang berlaku dengan segera.
salah guna () salah faham () salah sangka ()
3. Nenek memujuk Hasrin supaya tidak _____ untuk menjadi usahawan yang berjaya.
patah kaki () patah selera () patah semangat ()
4. Taklimat itu diadakan untuk memberi _____ kepada calon-calon peperiksaan.
garis panduan () garis pusat () silang pangkah ()
5. Laila mengambil sebatang pen untuk melengkapkan permainan teka _____.
silang kata () sepak takraw () batu seremban ()
6. Pemuda itu _____ oleh pihak polis kerana disyaki terlibat dalam suatu kes rompakan.
disoal jawab () disoal siasat () ditemu ramah ()

7. Kak Zalila menetapkan _____ untuk berjumpa dengan doktor peribadinya.
temu duga () temu bual () temu janji ()
8. Puan Cindy berhenti kerja dan menjadi _____ sepenuh masa sejak setahun yang lalu.
rakan karib () ibu negeri () suri rumah ()
9. Ramai kawan menyenangi sikap Fazura kerana _____nya baik dan lembut.
budi bicara () tutur kata () tipu daya ()
10. Penduduk Taman Gembira mengutip _____ untuk membantu keluarga yang miskin itu.
derma kilat () titik peluh () buah fikiran ()

Praktis 3

Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan.

- | | |
|--|---------------|
| 1. Cikgu Yusri meminta murid-muridnya membuat _____ supaya mereka lebih memahami subjek Matematik. | tanggungjawab |
| 2. Ramai rakyat Malaysia yang telah mengharumkan nama negara pada peringkat _____. | hasil usaha |
| 3. Semua anak perempuan Puan Rose mempunyai raut wajah yang _____. | ibu jari |
| 4. Datuk Daus mengecap kemewahan _____nya yang menceburi bidang perniagaan sejak sepuluh tahun lalu. | latih tubi |
| 5. Adik berdiri di _____ sambil menunggu ayah pulang daripada bekerja. | antarabangsa |
| 6. Fadzli menjalankan _____ sebagai ketua murid sekolahnya dengan baik. | burung hantu |
| 7. Fitri mengambil secarik kain lalu membalut _____nya yang luka. | muka pintu |
| 8. Saya terkejut melihat _____ itu bertenggek di atas dahan berhampiran dengan tingkap bilik. | cantik jelita |